



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
No. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915003  
Fax : 03-88915558

---

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 4( 8 )

Tarikh : 6 Jun 2012

---

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2012**

---

**GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenai **Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA.**

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKPTA) Bil. 2/2011 bertarikh 6 April, 2011 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah membangkitkan isu-isu mengenai penubuhan tadika dan taska di kawasan PBT seperti berikut :

- i) tempoh kelulusan tukar syarat, Kebenaran Merancang (KM), perlesenan dan pendaftaran terlalu lama ;
- ii) peraturan dan syarat tidak seragam di antara agensi-agensi terlibat ; dan
- iii) kadar Fi permohonan KM dan pembaharuan lesen yang berbeza.

Berikutan daripada itu, mesyuarat memutuskan supaya **disediakan satu Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA secara khusus yang meliputi aspek perancangan tapak, pelesenan dan proses penubuhan Tadika dan TASKA**

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada **9 Disember, 2011** telah bersetuju dengan **Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA** dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-65 pada **21 Mac, 2012** juga telah menimbangkan pemakaian garis panduan tersebut oleh PBN dan PBT.

#### **PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA**

4. Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA ini disediakan bertujuan untuk memudah cara serta memberi panduan kepada:

- (i) PBT dan agensi teknikal dalam merancang dan menimbang permohonan pembangunan Tadika dan TASKA;
- (ii) pihak pemaju untuk menyediakan tapak dan membina Tadika dan TASKA mengikut kategori premis yang ditetapkan; dan

- (iii) pengusaha dalam proses penubuhan, pendaftaran dan permohonan lesen premis perniagaan untuk Tadika dan TASKA.

5. Garis Panduan ini adalah terpakai bagi penubuhan Tadika dan TASKA sama ada yang diusahakan oleh pengusaha Kerajaan atau swasta di seluruh Semenanjung Malaysia dan disediakan dengan memberi perhatian terhadap proses penubuhan sesebuah Tadika dan TASKA mengikut kategori/jenis yang ditetapkan yang meliputi perancangan tapak, penyeragaman fi, lesen, senarai semak keperluan agensi-agensi terlibat, perancangan, penyediaan kemudahan berkaitan dan perihal tanah dengan merujuk peruntukan perundangan berkaitan termasuk Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta 56).

6. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan kandungan Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas. Garis panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain, sama ada dari segi subjek atau pun pertapakan, yang disediakan di bawah peruntukan perundangan oleh mana-mana pihak. Ia juga perlu dibaca bersama dengan beberapa garis panduan lain yang berkaitan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA adalah seperti di **Lampiran A**.

## **TARIKH KUATKUASA**

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

8. Pemakaian peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

## PERTANYAAN

9. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
Blok Tanjung  
Jalan Cenderasari  
**50646, KUALA LUMPUR**  
(u.p.: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan)

No. Telefon : 03-2081 6000  
No. Fax : 03-2694 1170/ 1180

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”***



( **DATUK ARPAH BINTI ABDUL RAZAK** )  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**6** Jun 2012

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan